

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 10 NOVEMBER 2017

KERATAN AKHBAR

16

JUMAAT 10 NOVEMBER 2017 • SINAR HARIAN

SIDANG DUN SELANGOR

Jangan laga kerajaan negeri, rakyat

MB kecewa sikap segelintir pemimpin politik yang cuba mempengaruhi penduduk berhubung beberapa isu

NOR AZIHAN MO GHAZALI

SHAH ALAM - Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali meminta pihak tidak bertanggungjawab menghentikan sikap melaga-lagakan kerajaan negeri dan rakyat berkenaan isu perobohan rumah, kedai serta pengusiran di persimpangan MRR2 Kampung Pasir, Hulu Kelang dan kediaman di pekarangan Masjid Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LITSAAS) Subang.

Beliau metuahkan rasa kecewa apabila terdapat segelintir pimpinan parti politik cuba mempengaruhi penduduk terbabit dengan mendakwa kerajaan negeri gagal membantu mereka.

"Jangan ada anasir luar yang cuba mendabik dada dan mengakui bahawa mereka adalah pejuang.

"Dalam hal ini, kerajaan negeri sudah melakukan pelbagai usaha untuk membantu penduduk terbabit melalui jaminan yang kita berikan," katanya.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan lisan oleh Adun Hulu Kelang, Saari Sungip berkenaan isu perobohan rumah, kedai serta kediaman dan kedai makan milik dua bekas pegawai masjid (LITSAAS) Subang dirobohkan pihak berkuasa selepas didakwa didirikan secara haram di pekarangan masjid itu lebih 20 tahun lalu.

Mohamed Azmin yang juga Adun Bukit Antarabangsa berkata, apa yang membezakan kerajaan negeri hari ini, sebarang tindakan penguatkuasaan daripada sebarang pihak perlu melihat sama ada ia memabihkan struktur rumah sama ada kediaman atau kedai.

"Kita sudah mempunyai perancangan untuk mereka dan menjadi amalan untuk memastikan penduduk dipindahkan ke lokasi yang lebih sesuai secara baik dan berhemah.

"Pihak bertanggungjawab akan meneruskan perbincangan bagi memastikan satu tapak baru akan disediakan kepada mereka yang terlibat," katanya.

Dalam pada itu, tegasnya, kerajaan negeri juga menghormati keperluan penduduk bagi membolehkan mereka meneruskan aktiviti yang diingini.

"Namun begitu, adakalanya pampasan yang dituntut mereka tidak munasabah selain tidak menepati akta sedia ada kerana mereka meneroka tanah yang tidak sepatutnya.

"Oleh itu, kita sentiasa mengambil tindakan proaktif yang berkemungkinan kita akan bangunkan bangunan baru dan kemudian disorkan supaya ia dapat disalurkan kepada peniaga dalam kadar yang sangat minimum," katanya.



MOHAMED AZMIN

ta pengusiran penduduk di kawasan terbabit pada Sidang Dewan Negeri, semalam.

Pada 10 Oktober lalu, dua

Projek Horas hasilkan air tambahan: Zaidy

SHAH ALAM - Meskipun empat Loji Rawatan Air (LRA) belum siap sepenuhnya namun Projek HORAS 600 (Horas) berjaya menghasilkan air tambahan sehingga 190 juta liter sehari (JLH).

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib berkata, empat loji berkenaan adalah LRA Sungai Selangor Fasa 1 (SSP1), Sungai Selangor Fasa 2 (SSP2), Sungai Selangor Fasa 3 (SSP3) dan Rantau Panjang.

"Horas berperanan mengawal dan mengurangkan pelepasan air mentah dari Empangan Sungai Selangor dan Empangan Sungai Tinggi.

"Fungsi Horas dalam mengatasi masalah air dilith lebih penting jika dibandingkan dengan kos pembinaannya yang tinggi," katanya di Sidang Dewan Negeri semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab pertanyaan lisan Adun Lembah Jaya, Khasim Abdul Aziz berkenaan Horas.

Pada masa sama, Zaidy yang juga Adun Taman Templer berkata, pihaknya gembira apabila pelaksanaan Horas ini menjadi rujukan negeri-negeri lain seperti Melaka, Kelantan, Johor dan pelbagai badan bukan kerajaan (NGO) untuk melihat bagaimana ia berjaya menyelesaikan masalah kekurangan sumber bekalan air.

"Horas masih diperlukan sementara menunggu pembangunan LRA Langat 2 yang dijangka siap pada tahun 2019.

"Horas diperlukan sebagai sumber air mentah di negeri ini memandangkan bekalan air LRA Langat 2 dirangka untuk menampung permintaan di kawasan yang berbeza dari kawasan agihan Skim Sungai Selangor," katanya.

Menurutnya lagi, bekalan air dari LRA Langat 2 juga tidak berupaya menampung permintaan semakin meningkat di kawasan pembangunan baru seperti Hlina dan kawasan lain yang akan terus mendapat bekalan dari Skim Sungai Selangor.



AHMAD YUNUS

SHAH ALAM - Exco Hal Ehwal Agama, Jawatan Kuasa Adat Melayu, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi memaklumkan peruntukan sebanyak RM1.37 juta daripada Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (Marris) digunakan untuk pembangunan jalan luar bandar bagi daerah Klang.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan lisan oleh Adun Meru, Dr Abdul Rani Osman di Sidang Dewan Negeri semalam.

Adun Sijanggang itu berkata, sejumlah RM1.33 juta atau 96.63 peratus telah dibelanjakan untuk 12 projek sehingga 15 Oktober lalu.

"Kerja-kerja pembangunan yang sudah dilakukan adalah kerja baik pulih dan menurap semula jalan.

"Baki peruntukan yang masih ada sehingga kini adalah sekitar RM46,000," katanya.

Pada masa sama, menurutnya, sejumlah 49 jalan memabihkan sepanjang kira-kira 15.534 kilometer (KM) atas lot persendirian juga telah didaftarkan melalui Marris.

"Antara jalan-jalan yang dinaik taraf di kawasan Meru adalah Lorong Dalliah, Lorong Ciku dan Lorong Gelanggang Futsal di Kampung Bukit Kapar," katanya.



DARAYAH

cegahan denggi termasuk gotong-royong di kawasan masing-masing.

"Mesyuarat Tindakan Denggi Daerah juga diperuntukkan RM350,000 mengikut daerah bagi menangani isu berkaitan berakut yang boleh menyebabkan pembalakan aedes.

"Mesyuarat Tindakan Denggi Negeri juga diadakan setiap dua minggu bagi membincangkan dan merangka dasar serta melaksanakan program kawalan dan pencegahan denggi," katanya.

Menurutnya lagi, pemantauan turut dibuat menerusi Mesyuarat Tindakan Denggi Daerah yang dipengerusikan pegawai daerah atau wakilnya pada setiap minggu bagi membincangkan permasalahan di lokasi-wabak terutamanya di kawasan hotspot.

"Mesyuarat ini memutuskan tindakan dalam tempoh serta merita di peringkat daerah bagi menangani masalah denggi yang wujud," katanya.

RM5 juta tampung perbelanjaan aktiviti mengawal, mencegah denggi

SHAH ALAM - Sebanyak RM5 juta diperuntukkan kerajaan negeri bagi menampung perbelanjaan berkaitan aktiviti kawalan dan pencegahan denggi di Selangor.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Darayah Alwi berkata, daripada jumlah itu, RM2.6 juta diperuntukkan untuk melantik Pest Controller Operator (PCO) bagi membantu kawalan denggi di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

"Sejumlah RM1.2 juta lagi disalurkan kepada PBT bagi membeli racun dan peralatan serta keperluan aktiviti kawalan dan pencegahan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan lisan oleh Adun Teratai, Tiew Way Keng berkenaan langkah kerajaan negeri mengawal denggi di Selangor di Sidang Dewan Negeri, semalam.

Bagi menangani denggi, Darayah yang juga Adun Semerang berkata, kerajaan negeri turut menyalurkan peruntukan berjumlah RM1560,000 kepada Adun dalam melaksanakan program per-

UNIT KORPORAT

TINGKAT 13, BANGUNAN DARUL EHSAN,
NO.3, JALAN INDAH, SEKSYEN 14, 40000 SHAH ALAM
TELEFON:03-55111800 / FAX:03-55101800